



**TEKS UCAPAN
YBHG. TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
BULAN JUN 2017**

Tarikh : 21 JUN 2017

Masa : 8.30 PAGI

**Tempat : AUDITORIUM JPM
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Bismillahirrahmanirrahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Terima kasih kepada pengacara majlis pada hari ini iaitu Encik Mohd Kamari bin Azhar dan Cik Mazuin Mohd Sapon dari Unit Kawal Selia FELDA serta kumpulan koir dari Seranta FELDA.

Terima kasih juga kepada Ustaz Mohd Syahli bin Hj. Rapie yang telah memimpin bacaan doa pada pagi ini.

Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

Yang Berusaha Puan Normi binti Nordin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila Binti Dato' Dr. Johan,
Penasihat Undang-undang JPM,

Yang Berbahagia Datuk Dr. Omar bin Salim,
Ketua Unit Kawal Selia FELDA, JPM

dan

Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohamad Khairudin bin Mohamad,
Pengaroh Seranta FELDA, JPM

selaku penganjur bersama perhimpunan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Bahagian, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana kita dapat berkumpul pada pagi penghujung bulan Ramadhan 1438H sempena Perhimpunan Bulanan bagi bulan Jun 2017 ini.
2. Tahniah diucapkan kepada semua penerima surat kenaikan pangkat, Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan (APCB) JPM dan Anugerah Peminjam Buku Terbanyak Perpustakaan JPM bagi bulan Mei 2017. Semoga kecemerlangan ini dapat dijadikan sebagai penyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM yang lain, bersesuaian dengan budaya *self-development* dan *self-improvement* yang hanya boleh dicapai melalui (1) penguasaan ilmu, (2) peningkatan kemahiran dan (3) semangat kerja berpasukan.
3. Selamat Datang juga diucapkan kepada semua warga kerja baru JPM. Semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu JPM terus cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kepada semua *stakeholders*. JPM sentiasa mengalu-alukan idea-idea baru, kreatif serta berinovasi dan berimpak tinggi yang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan.
4. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada warga kerja yang bertukar keluar di atas segala sumbangan yang dicurahkan selama ini. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berjaya dalam tugas yang diamanahkan dan sentiasa mengekalkan kecemerlangan di agensi yang baru.
5. Kepada warga yang bersara sama ada bersara pilihan atau bersara wajib, saya ucapkan Selamat Bersara dan saya merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan dan bakti yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam, terutamanya semasa berkhidmat di JPM.

EPILOG RAMADAN

6. Istimewanya pula perhimpunan kali ini jatuh pada bulan Ramadan al-Mubarak yang penuh barakah dan kemuliaan. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “selamat berpuasa” kepada semua warga kerja JPM yang beragama Islam.
7. Seperti yang kita tahu, setiap kali bulan Ramadan datang, ia datang dengan “pakej istimewa” yang Allah kurniakan iaitu (1) Ibadah Puasa (2) Solat Sunat Tarawih (3) Lailatul Qadar (4) Nuzul Al-Quran dan (5) Zakat Fitrah. Pakej ini menjanjikan pula ganjaran pahala yang berlipat kali ganda apabila kita melakukan ibadah dengan taat dan ikhlas.
8. Walaupun kita berpuasa, kualiti produktiviti kerja kita mestilah sentiasa menjadi keutamaan. Sejarah Islam membuktikan bahawa banyak peristiwa-peristiwa besar berlaku pada bulan Ramadan. Dalam sirah Rasulullah SAW, baginda sendiri pernah berjuang dalam beberapa peperangan yang berlaku pada bulan puasa namun tidak sedikit pun ianya menjejaskan ibadah puasa atau melunturkan semangat baginda malah ketaqwaan kepada Allah pula semakin meningkat.
9. Justeru, amat wajar bagi kita mengambil peluang di bulan Ramadan ini untuk mengubah diri menjadi lebih baik daripada sebelum ini. Dengan berpuasa juga kita akan melalui proses (1) menyucikan diri (2) memuhasabah diri (3) membanyakkan ibadah dan (4) meningkatkan amalan-amalan lain yang baik lagi mulia.
10. Marilah kita memanfaatkan segala ibadah dan amal soleh yang kita lakukan dalam bulan Ramadan ini sebagai satu *turning point* meningkatkan kualiti diri sekali gus meningkatkan kualiti penyampaian (*delivery system*) dalam tugas sebagai penjawat awam.

Hadirin hadirat sekalian,

INISIATIF YAB PERDANA MENTERI: NEGARAKU

11. Pada 18 Mac yang lalu, YAB Perdana Menteri telah pun merasmikan Program Inisiatif 'Ekspresi Negaraku' di Putrajaya. Inisiatif tersebut merupakan salah satu usaha dan platform untuk rakyat Malaysia bersatu hati serta menyemai rasa bangga dan semangat patriotisme cintakan negara.
12. Justeru, YAB Perdana Menteri telahpun memilih 'Negaraku' sebagai slogan bagi inisiatif ini. Perkataan yang begitu mudah tetapi mempunyai maksud dan hasrat yang begitu mendalam dan bermakna. Ia bertujuan untuk menyematkan di dalam hati setiap rakyat bahawa Malaysia ini adalah milik kita bersama.
13. Pelbagai program seperti Program Kembara Negaraku, Cerita Negaraku, Reka Negaraku dan Negaraku Prihatin yang bertujuan agar semua rakyat Malaysia dapat memahami dan mendalami semangat cintakan negara. Program-program ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan berlangsung di seluruh negara. Dengan ini, masyarakat Malaysia dapat berhubung di antara satu sama lain untuk memupuk perpaduan tanpa mengira di mana mereka berada. Melalui inisiatif tersebut, masyarakat Malaysia akan lebih hidup bersatu demi perpaduan dan berintegrasi dalam mengutuhkannya semangat Negaraku.
14. Justeru, saya menyeru kepada semua warga JPM agar sentiasa bersama-sama untuk lebih bertanggungjawab untuk menjaga, memelihara dan memastikan negara ini sentiasa aman, makmur dan sentosa. Tindakan kita perlu bermula daripada institusi Jabatan Perdana Menteri ini, yang mempunyai lebih 90 buah jabatan dan agensi.

15. Saya berharap agar Jabatan Perdana Menteri menjadi salah satu Kementerian yang sentiasa aktif dalam penyertaan program-program Ekspresi Negaraku agar dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian negara. Di samping itu, warga JPM juga hendaklah menjadi duta-duta kecil JPM dalam menerangkan dasar-dasar program ini agar lebih mendapat tempat dalam masyarakat.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

SESI DIALOG YAB PERDANA MENTERI BERSAMA PENJAWAT AWAM BERKENAAN TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

16. Seperti yang semua sedia maklum, satu perjumpaan diantara YB Perdana Menteri bersama Penjawat Awam telah diadakan pada 31 Mei yang lepas bagi sesi dialog gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50. Perjumpaan ini menunjukkan Kerajaan begitu perihatin mendengar pendapat dan pandangan serta berinteraksi dengan penjawat awam bagi membentuk sektor perkhidmatan awam negara menjelang 2050.
17. Setiap tahun, Kerajaan berusaha menambah baik skim perkhidmatan awam dari segi emolumen dan insentif perkhidmatan seperti cuti belajar untuk kumpulan pelaksana, peluang kenaikan pangkat secara "*fast-track*", "*Subject Matter Expert (SME)*" dan mengikut tempoh perkhidmatan, kesetaraan gaji, pelantikan tetap pekerja kontrak serta perumahan mampu milik khusus untuk penjawat awam.
18. YAB Perdana Menteri berkata segala pandangan yang disuarakan sangat berguna untuk dijadikan input bagi meneruskan visi baharu untuk Malaysia. Diantara intipati dan rumusan hasil sesi dialog adalah:
- i. Keseimbangan pekerjaan dengan institusi kekeluargaan;
 - ii. Pekhidmatan Awam yang lebih berjaya saing;
 - iii. Penjawat Awam yang berkebolehan tinggi;

- iv. Nilai-nilai terbaik sebagai seorang penjawat awam;
 - v. Kemudahan rakyat ditambahbaik; dan
 - vi. Penyelidikan dan pembangunan sektor awam diperkasakan.
19. Sebagai penjawat awam khususnya warga JPM, kita perlu sentiasa berusaha mencari penyelesaian kreatif dan inovatif. Jika kita boleh melaksanakan sesuatu perkara secara kolektif, output (hasil) mesti lebih besar, menyeluruh dan bermakna lagi. Kita perlu lebih kerap turun padang dan amalkan kaedah "*search and serve*" (jejak dan membantu) iaitu dengan menawarkan perkhidmatan kepada rakyat.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

PENCEGAHAN AWAL ELAKKAN KEGANASAN (ANCAMAN MILITAN, ISIS & DAESH)

20. Sejak akhir-akhir ini, kita mendapat berita bahawa ada di kalangan masyarakat kita yang terlibat dalam aktiviti keganasan seperti menyokong dan memberi sumbangan kewangan organisasi seperti Daesh ataupun ISIS. Perkara ini amatlah serius dan perlu mendapat perhatian yang khusus daripada kita semua.
21. Kerajaan Malaysia melalui pelbagai jabatan dan agensi terutamanya agensi keselamatan bertungkus lumus untuk mencegah dan sentiasa berkorban untuk memastikan tahap keselamatan negara kita sentiasa terjamin dan bersiap siaga bagi menghadapi sebarang ancaman keselamatan. Tindakan pencegahan awal aktiviti keganasan ini telah pun membuahkan hasil apabila Malaysia berada di tempat 30 daripada 163 buah negara yang dikategorikan sebagai negara yang paling aman.
22. Walau bagaimanapun, usaha pencegahan ini juga perlu bermula daripada kita semua, terutamanya sebagai ibu bapa. Dalam senario dunia tanpa

batasan, pelbagai maklumat dari dalam dan luar negara amat mudah diperolehi, tanpa mengambil kira kesahihan sesuatu maklumat. Malah, manusia dari pelbagai pelosok dunia boleh berhubung tanpa sebarang masalah.

23. Selain itu, kita juga perlu mengenal pasti perubahan-perubahan rakan sejawat kita. Mungkin terdapat perubahan yang nyata seperti mula taksub terhadap ideologi luar yang berunsurkan keganasan, sering meluangkan masa untuk mendapatkan maklumat berkenaan senjata dan sebagainya. Dan mungkin ada yang sering tidak hadir ke pejabat dan melakukan pengembaraan ke negara-negara yang dicurigai.

Tuan/Puan yang dikasihi sekalian,

ELAKKAN BUDAYA TULAR (VIRAL) CERITA NEGATIF TERUTAMA DI MEDIA SOSIAL

24. Pada hari ini, kuasa media sosial tidak boleh dipandang rendah. Dilaporkan sehingga 20 juta orang pengguna media sosial di negara kita. Angka tersebut adalah sangat besar dan sekiranya disalah guna, budaya menularkan cerita-cerita negatif berkenaan dengan negara amat merunsingkan.
25. Sebagai Penjawat Awam, saya menyeru kepada semua agar menggunakan media sosial ini sebagai platform yang positif. Melalui media sosial seperti *Twitter, Facebook, Instagram*, dan sebagainya membolehkan kita mengemas kini status dan maklumat serta berhubung secara *real time*.

Hadirin hadirat sekalian,

**BANTUAN KHAS KEPADA PENJAWAT AWAM DALAM PERSIAPAN
MENYAMBUT SYAWAL & NASIHAT SEBELUM PULANG BERAYA**

26. Alhamdulillah, seperti mana pada tahun yang lepas Kerajaan sentiasa perihatin dengan kebajikan penjawat awam terutamanya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri. Justeru, pada 2 Jun 2017 yang lalu Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada hampir 1.6 juta penjawat awam sebagai persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri 2017 dan hampir 775,000 pesara kerajaan sebagai menghargai jasa perkhidmatan mereka dengan jumlah bayaran sebanyak RM250 dengan jumlah keseluruhan peruntukan yang terlibat adalah kira-kira RM1 Bilion. Semoga dengan bantuan khas kewangan ini dapat sedikit sebanyak meringkan beban semua penjawat awam khususnya warga JPM dalam persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.
27. Kelab Bukit Perdana JPM dengan kerjasama agensi/jabatan Kerajaan serta pihak-pihak lain juga telah mengadakan banyak program Penyerahan Bantuan Zakat kepada warga JPM dan individu-individu yang layak si sepanjang bulan Ramadan ini. Yang terkini, wang zakat telah diagihkan kepada kira-kira 150 orang warga JPM dalam Majlis Iftar Bersama Warga JPM dan Penyampaian Infaq Ramadan pada 15 Jun 2017 yang lalu.
28. Hari ini merupakan hari ke-26 kita berpuasa. Kebanyakan daripada rakan-rakan kita mungkin sudah mula bercuti dan memulakan perjalanan balik ke kampung masing-masing. Saya berharap para hadirin yang ada di sini memanfaatkan masa untuk memastikan segala bentuk keselamatan telah diambil kira sebelum bercuti dan meninggalkan pejabat serta rumah masing-masing.

29. Sebagai contoh, sebelum bercuti semua alatan elektrik seperti komputer dan pencetak di pejabat hendaklah dipadamkan dan dicabut daripada soket bagi mengelakkan berlakunya kebakaran berpunca litar pintas. Ini termasuklah peralatan elektrik di rumah seperti TV, cerek, penyaman udara dan sebagainya. Selain itu, pastikan juga alat-alat mudah terbakar seperti tong gas, kerosin dan mancis disimpan di tempat yang selamat bagi mengelakkan berlakunya kebakaran.
30. Di samping itu juga, saya menasihatkan agar sentiasa mematuhi langkah-langkah keselamatan oleh pihak Polis seperti memastikan pintu dan tingkap rumah ditutup dan dikunci dengan *padlock* yang berkualiti. Kita juga disarankan agar memaklumkan kepada pegawai atau anggota bertugas di bilik gerakan polis di kawasan kediaman anda berkenaan dengan ketiadaan semasa bercuti.
31. Bagi yang akan memulakan perjalanan menggunakan kenderaan, saya memohon agar sentiasa memeriksa tahap keselamatan kenderaan anda. Pastikan semuanya teratur dan mencukupi sebelum memulakan perjalanan balik kampung. Saya mendoakan agar semua warga JPM selamat tiba ke destinasi masing-masing dan akan pulang dengan selamat juga.

PENUTUP

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

32. Sekali lagi, buat warga JPM yang beragama Islam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1438H.
33. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Unit Kawal Selia FELDA (UKSF) dan Seranta (FELDA) sebagai pihak penganjur program atas usaha mengadakan persiapan dan menyelaras perhimpunan pada kali ini.

34. Akhir kalam, saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun:

*Pulang beraya berhati-hati,
Ingat keluarga di kampung halaman,
Saya menyusun sepuluh jari,
Salah dan silap harap maafkan..*

35. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*